



23 Mei 2016  
23 May 2016  
P.U. (A) 144

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

PERINTAH KASTAM (DUTI ANTI-LAMBAKAN)  
(NO. 2) 2016

*CUSTOMS (ANTI-DUMPING DUTIES)  
(NO. 2) ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993  
DAN AKTA KASTAM 1967

PERINTAH KASTAM (DUTI ANTI-LAMBAKAN) (NO. 2) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 25 Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*] dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (No. 2) 2016**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh lima tahun mulai 24 Mei 2016 hingga 23 Mei 2021.

**Duti anti-lambakan**

2. Duti anti-lambakan hendaklah dilevi terhadap dan dibayar oleh pengimport berkenaan dengan barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual yang dieksport dari negara yang dinyatakan dalam ruang (3) ke dalam Malaysia oleh pengeksport atau pengeluar yang dinyatakan dalam ruang (4) pada kadar yang dinyatakan dalam ruang (5).

**Pembayaran duti anti-lambakan**

3. Duti anti-lambakan yang kena dibayar di bawah Perintah ini hendaklah dibayar secara tunai.

**Penjenisan barang-barang**

4. (1) Penjenisan barang-barang yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah mematuhi Rukun-Rukun Tafsiran dalam Perintah Duti Kastam 2012 [*P.U. (A) 275/2012*].

(2) Nombor kepala atau subkepala yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual diperuntukkan bagi kemudahan rujukan dan tidak mempunyai kesan mengikat

terhadap penjenisan barang-barang yang diperihalkan dalam ruang (2).

### **Kesan terhadap duti import dan cukai barang dan perkhidmatan**

5. Pengenaan duti anti-lambakan di bawah Perintah ini tidaklah menjejaskan pengenaan dan pemungutan—

- (a) duti import di bawah Akta Kastam 1967; dan
- (b) cukai barang dan perkhidmatan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [Akta 762].

### JADUAL

[Perenggan 2]

#### DUTI ANTI-LAMBAKAN

(1) <i>Nombor Kepala/ Subkepala mengikut Kod H.S. (Kod AHTN)</i>	(2) <i>Perihal Barang-Barang</i>	(3) <i>Negara</i>	(4) <i>Pengeksport/ Pengeluar</i>	(5) <i>Kadar Duti [Peratusan (%) daripada Nilai Kos, Insurans dan Tambang (KIT)]</i>
7209.15 000, 7209.16 000, 7209.17 000, 7209.18 290, 7209.18 900 dan 7225.50 000	Keluli aloi dan bukan aloi gegelung gulungan sejuk yang mempunyai ketebalan antara 0.20 milimeter	Republik Rakyat China	Bengang Steel Plates Co., Ltd.	5.61%
(7209.15.00 00, 7209.16.00 00, 7209.17.00 00, 7209.18.99 20, 7209.18.99 90, 7225.50.10 00 dan 7225.50.90 00)	0.20 milimeter hingga 2.60 milimeter dan kelebaran antara 700 milimeter hingga 1,300 milimeter tidak		Jiangsu Shagang International Trade Co., Ltd.  Lain-lain	13.44%  23.78%

termasuk plat hitam timah dagangan yang bagi penggunaan akhir automotif daripada semua gred dan spesifikasi	Republik Korea	Hyundai Company	Steel	11.55%
		POSCO		3.78%
		Lain-lain		21.64%
	Republik Sosialis Viet Nam	China Sumikin Viet Nam Joint Company	Steel Stock	13.68%
		POSCO-Viet Co., Ltd.	Nam	3.06%
		Lain-lain		13.68%

Dibuat 23 Mei 2016

[SULIT KE.HT(96)669/12-249 Klt.7 Sk.8; 0.9060/18(S).29); PN(PU2)338D/III]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Menteri Kewangan Kedua*

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 11(2) Akta Kastam 1967]*

COUNTERVAILING AND ANTI-DUMPING DUTIES ACT 1993  
AND CUSTOMS ACT 1967

CUSTOMS (ANTI-DUMPING DUTIES) (NO. 2) ORDER 2016

IN exercise of the powers conferred by section 25 of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 [*Act 504*] and subsection 11(1) of the Customs Act 1967 [*Act 235*], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Customs (Anti-Dumping Duties) (No. 2) Order 2016**.

(2) This Order has effect for the period of five years from 24 May 2016 to 23 May 2021.

**Anti-dumping duties**

2. Anti-dumping duties shall be levied on and paid by the importers in respect of the goods specified in columns (1) and (2) of the Schedule exported from the countries specified in column (3) into Malaysia by the exporters or producers specified in column (4) at the rates specified in column (5).

**Payment of anti-dumping duties**

3. The anti-dumping duties payable under this Order shall be paid in cash.

**Classification of goods**

4. (1) The classification of goods specified in the Schedule shall comply with the Rules of Interpretation in the Customs Duties Order 2012 [*P.U. (A) 275/2012*].

(2) The heading or subheading numbers specified in column (1) of the Schedule are provided for ease of reference and have no binding effect on the classification of goods described in column (2).



grades and specifications	Sosialist Republic of Viet Nam	China Steel Sumikin Viet Nam Joint Stock Company	13.68%
		POSCO-Viet Nam Co., Ltd.	3.06%
		Others	13.68%

Made 23 May 2016

[SULIT KE.HT(96)669/12-249 Klt.7 Sk.8; 0.9060/18(S).29); PN(PU2)338D/III]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Second Minister of Finance*

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 11(2) of the Customs Act 1967]*